

Pentadbiran Nafkah Golongan Fakir dan Miskin di Baitulmal Negeri Sembilan: Kajian Terhadap Kesan Sosial dalam Kalangan Penerima di Daerah Seremban

Hasnan bin Kasan
Pensyarah, PPU
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Malaysia
Email: hasnan@ukm.edu.my

Aisyah Jamilah Mohshin
Pelajar, FPI
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Malaysia

Umar Faruk
Pelajar PhD, FSSK
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Malaysia
Email: umar_gmail@yahoo.com

ABSTRAK

Media cetak mahupun elektronik sering memaparkan isu kemiskinan di kalangan umat Islam. Walaupun, statistik kutipan zakat di Negeri Sembilan semakin meningkat pada setiap tahun dan program-program membasmi kemiskinan giat dijalankan, namun fenomena kemiskinan masih terus wujud. Timbul persoalan di sini, apakah bentuk prosedur agihan dana Baitulmal kepada golongan fakir dan miskin serta impak yang akan menimpa golongan tersebut jika bantuan yang dipohon tidak mencukupi tahap keperluan semasa. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti corak agihan dana baitulmal di Negeri Sembilan kepada golongan fakir dan miskin. Di samping itu juga, kesan-kesan sosial yang menimpa para penerima apabila bantuan yang dipohon tidak mencukupi keperluan semasa turut dikaji. Rekabentuk kajian ini ialah kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes. Manakala tatacara pengumpulan data pula menggunakan kaedah analisa dokumen yang berkaitan corak pengurusan nafkah dana Baitulmal sejak zaman pemerintahan Rasulullah s.a.w sehingga ke hari ini. Selain itu soal selidik juga digunakan ke atas 73 orang responden fakir dan miskin di daerah Seremban untuk mendapat maklumat berkaitan kesan sosial yang menimpa disebabkan bantuan yang diterima tidak mencukupi tahap keperluan semasa. Kaedah analisis teks dan analisis SPSS digunakan untuk menganalisis data. Dapatan kajian mendapati bahawa kesan sosial dari segi kekurangan makanan mempunyai peratusan yang paling tinggi iaitu 79.5 %. Diikuti oleh kesan dari aspek pelajaran 65.8 %, kemudian keselesaan tempat tinggal 58.9 %, 49.3 % dari aspek kesihatan, dan akhir sekali dari aspek hubungan kekeluargaan sebanyak 46.6 %. Kajian ini membuktikan berlakunya ketidakseimbangan dalam pengagihan dana zakat di Baitulmal kepada golongan fakir dan miskin sehingga wujudnya kesan sosial di antara mereka. Oleh itu, pengagihan yang adil, seimbang dan menambahkan jumlah bantuan yang diberikan akan dapat mengurangkan kesan sosial dikalangan asnaf fakir dan miskin.

ABSTRACT

The issue of poverty among Muslims have made headlines in the mass media. This problem has not been solved despite rising yearly records of zakat collection in Negeri Sembilan and actions to abolish poverty have been carried out. This raises the question of what is the distribution procedure of Baitulmal funds to the poor and needy, and the consequences that will follow if the aid distributed does not meet the needs of current times. Therefore, this research aimed to identify the distribution pattern of Baitulmal funds in Negeri Sembilan to the poor and needy. Also, this research analysed the social implications to the receivers when the aid received was not sufficient for current needs. This research took the qualitative case study approach, and for data collection this research has analysed documents on the administration methods of Baitulmal funds from the era of Rasulullah.s.a.w until today. Furthermore, questionnaires have been distributed to 73 respondents from the poor and needy in

Seremban to acquire information regarding the social implications that follow due to aid received being insufficient for current needs. To analyse data, this research used text analysis and SPSS analysis. This research found that social implications due to shortage of food have the highest percentage which is 79.5%. Followed by education, 65.8%, home comfort 58.9%, health 49.3%, and lastly family 46.6%. This research has proved that here is an imbalance in the fund distribution of Baitulmal to the needy and poor that it has created social implications among the receivers. Therefore implementing a just distribution which is balanced and adding the amount of aid given can reduce the social implications among the poor and needy asnaf.

PENGENALAN

Baitulmal merupakan institusi harta dan kewangan induk dalam negara Islam. Institusi ini mengandungi pelbagai jenis harta seperti zakat, cukai, harta wakaf, khairat dan kebajikan. Harta yang terkumpul dalam institusi ini pada umumnya digunakan untuk kepentingan masyarakat dan negara. Pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad s.a.w. di Mekah, sistem kewangan di baitulmal tidaklah begitu tersusun sepertimana yang berlaku dalam kerajaan Islam di Madinah setelah hijrah. Ini disebabkan setiap kali bantuan atau keperluan yang dikehendaki bagi membantu golongan fakir atau susah dalam kalangan umat Islam, maka bantuan akan diperoleh dari para sahabat yang jujur dan ikhlas untuk menghulurkan bantuan dari harta kekayaan mereka tanpa mengharapkan balasan semata-mata kerana Allah S.W.T. Namun begitu, setelah berlakunya hijrah ke Madinah, sistem kewangannegara Islam telah banyak berlaku perubahan dan perkembangan seperti diwajibkan berzakat, dilaksanakan cukai jizyah, pembahagian harta *ghanimah* dan sebagainya (Mazanan, 1999).

Pada zaman pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin yang pertama iaitu Saidina Abu Bakar as-Siddiq (632-634M), beliau menjadikan rumahnya sebagai tempat pengumpulan harta kerajaan dan cara agihan bantuan kepada golongan miskin adalah mengikut corak pemerintahan Rasulullah s.a.w. Pada masa Umar Ibn al-Khattab (634-644M) menjadi khalifah, Islam pada waktu tersebut berkembang dengan pesat sekali, banyak wilayah baru dikuasainya dan harta perolehan rampasan perang. Kemudian Khalid Ibn al-Walid mencadangkan kepada Umar supaya ditubuhkan *diwan* untuk menjaga kepentingan harta dan penggunaannya. Umar bersetuju atas cadangan tersebut dan menamakannya sebagai 'baitulmal' (Tahir, M. H, 2007). Seterusnya, pada zaman pemerintahan Uthman Ibn al-Affan (644-656M) dan Ali Ibn Abi Talib (656-661M), mereka menyambung corak pemerintahan dalam sistem kewangan dan politik yang dibuat oleh Umar. Mereka juga membahagikan harta mengikut keutamaan iaitu pengagihan harta hanya kepada mereka yang berhak dan memerlukan bantuan sahaja (Mazanan, 1999).

Selepas berakhirnya zaman pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin, disambung pula dengan pemerintahan oleh Kerajaan Bani Umaiyah. Umar Ibn Abd Aziz (717-720M) yang pernah menjadi khalifah pada zaman tersebut bertindak sebagai *al-muslih* iaitu berusaha melaksanakan keadilan, mengembalikan hak rakyat yang tertindas serta bertindak membasmi penyelewengan. Tindakan pertama yang diambil oleh beliau ialah mengembalikan harta kaum keluarganya yang diambil daripada harta umum khalifah sebelumnya kepada baitulmal (Muqaddam, 2000).

Era globalisasi ini, Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri-negeri turut memainkan peranannya dalam membantu golongan fakir dan miskin melalui hasil pungutan zakat yang diperolehi pada setiap tahun. Agihan zakat kepada golongan fakir dan miskin telah dilakukan dalam pelbagai bentuk selaras dengan keperluan individu yang terlibat. Bentuk-bentuk agihan yang utama kepada fakir dan miskin daripada hasil zakat ialah agihan hari raya, agihan saraan bulanan, dan agihan membina dan membaiki rumah (Mazanan, 1999).

Menurut Bekas Mufti Wilayah Persekutuan, Prof. Datuk Dr. Mohammad Yusoff berkata, fungsi baitulmal yang ditubuhkan di negeri-negeri di Malaysia adalah bertujuan untuk membantu masyarakat Islam keseluruhannya. Sumber baitulmal adalah sumbangan daripada orang Islam antaranya melalui kewajipan berzakat, bayaran *fidyah* dan sebagainya (Berita Harian, 2009).

Baitulmal Negeri Sembilan adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Ia merupakan bahagian penting di bawah carta organisasi MAINS yang berfungsi sebagai penyimpan dan pemegang amanah ke atas harta-harta umat Islam di Negeri Sembilan. Melalui peruntukan yang diberikan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003 ini, Majlis Agama Islam melalui Baitulmal mempunyai ruang dan kuasa untuk menggariskan kaedah dan tatacara pengagihan harta kepada pihak yang berhak menerimanya. Antara bidang kuasa yang dijalankan oleh Baitulmal dalam mengagihkan harta zakat kepada golongan fakir miskin yang berhak menerimanya ialah; i) Menetapkan kategori golongan fakir dan miskin yang diberi. ii) Menetapkan bentuk-bentuk bantuan yang diberikan kepada golongan fakir dan miskin. iii) Menetapkan nilai atau kadar bantuan

yang akan diberikan kepada golongan fakir dan miskin. iv) Menetapkan prosedur permohonan dan pembiayaan. v) Menyediakan akses maklumat terhadap pembiayaan yang disediakan (Dewan Undangan Negeri Sembilan, 2003).

ISU DAN OBJEKTIF KAJIAN

Baitu mal biasanya dikenali sebagai institusi kebajikan yang berhubungan dengan zakat. Zakat dapat membasmi kemiskinan antara sesama komuniti, menerap budaya tolong-menolong dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat daripada sudut ekonomi melalui sistem penggiliran atau tampungan kewangan. Hal ini dapat diperhatikan daripada ayat 19 Surah *al-Dhariyyat* apabila Allah SWT menyatakan bahawa dalam setiap rezeki dan harta yang dikurniakan kepada seseorang Muslim itu terdapat hak orang miskin yang memerlukannya. Kewujudan hak orang yang miskin ini menunjukkan komitmen dan tanggungjawab setiap mereka yang berharta untuk saling bantu-membantu dan bekerjasama dalam memperbaiki taraf hidup sesebuah komuniti. Pengelolaan zakat secara profesional diyakini dapat mencapai hasrat ini dan membantu wujudnya pembangunan insan kepada yang lebih baik dan sempurna. Justeru, aspek pentadbiran dan pengurusan hal-ehwal zakat perlu dilaksanakan dengan baik oleh agensi dan badan yang dipertanggungjawab (Jasni Sulong & Anwar Mohd Ali, 2012).

Dalam konteks pentadbiran undang-undang, zakat bukan lagi sekadar kewajipan rukun Islam dan hukum ibadat, malah ia juga sebahagian daripada sistem kewangan negara untuk mengatur kebajikan anggota masyarakat tertentu (al Mawardi, 1984). Dalam hal ini, pemerintah berkuasa untuk menguatkuasakan undang-undang bagi mendapatkan hasil zakat sebagaimana yang berlaku pada zaman Khalifah Abu Bakar r.a. Perintah tersebut boleh dizahirkan dalam bentuk peraturan, warta kerajaan, fatwa atau pengubalan undang-undang yang komprehensif. Walau bagaimanapun, kaedah pembayaran zakat adalah tidak mandatori dalam Islam di mana seseorang pembayar zakat boleh membayar terus wang zakatnya kepada asnaf yang terlibat.

Asnaf yang mampu berusaha dikategorikan sebagai produktif, manakala mereka yang tidak upaya disebabkan lanjut usia, masalah kesihatan, kecacatan dan sebagainya dikategorikan sebagai golongan tidak produktif. Bagi golongan fakir dan miskin di kalangan mereka yang masih memiliki kekuatan fizikal dan mental, yang masih mampu melakukan pekerjaan, maka mereka ini seharusnya diberikan bantuan nafkah yang berbentuk produktif sehingga mampu keluar daripada kitaran kemiskinan (Patmawati, 2005 dlm Rahman & Ahmad Sanep, 2011).

Pada zaman Khalifah Uthman Ibn Affan berlaku keadaan di mana pembayar zakat dibenarkan mengagihkan terus kepada *asnaf* bagi kategori harta batin tetapi sebaliknya bagi harta zahir yang perlu diserahkan kepada amil yang dilantik oleh pemerintah. Bagaimanapun di bawah *siyasah syar'iyah*, pemerintah berkuasa untuk mengatur undang-undang bagi memastikan semua zakat dibayar kepada amil yang dilantik oleh pemerintah (Jasni Sulong & Anwar Mohd Ali, 2012).

Pengurusan kutipan dan agihan zakat yang efektif akan membangunkan kehidupan masyarakat yang lebih aman tenteram dan sejahtera. Kemiskinan menurut Sukor (1990) masalah utama kebanyakan golongan miskin adalah untuk mendapatkan modal agar memulakan perniagaan. Agihan zakat boleh menjadi modal bagi penerima yang berperanan sebagai satu jentera pentadbiran sosial yang mudah, cepat, dan efisien untuk membolehkan golongan miskin memecahkan kemelut kemiskinan melalui usaha mereka sendiri. Modal membolehkan isi rumah termiskin memulakan dan mengembangkan keusahawanan dan kemahiran hidup mereka ke arah peningkatan pendapatan dan taraf hidup (Rahman & Ahmad Sanep, 2011).

Objektif kajian ini adalah mengenal pasti prosedur corak agihan dana baitulmal kepada golongan fakir dan miskin serta untuk mengetahui kesan yang menimpa para penerima jika bantuan yang diminta tidak mencukupi keperluan semasa.

KAJIAN LITERATUR

Kajian oleh Hailani Muji Tahir (1980) mengenai peranan baitulmal dalam membangunkan negara. Kajian yang dibuat oleh beliau adalah bersifat menyeluruh dimana beliau turut menyentuh tentang sejarah permulaan institusi baitulmal dari zaman pemerintahan Rasulullah s.a.w. sehinggalah ke zaman pemerintahan Abbasiyah. Dalam menceritakan hubungan baitulmal dengan pembangunan negara, beliau turut membincangkan konsep harta yang boleh menghasilkan keluaran dan menjadi punca hasil kepada pendapatan negara. Namun begitu pembangunan negara yang ditekankan ialah di kawasan-kawasan bandar sahaja. Kawasan-kawasan pedalaman yang mempunyai jumlah penduduk dari golongan fakir dan miskin tidak diberi perhatian sepenuhnya.

Memelihara kesejahteraan ummah dan menjaga kepentingan seluruh anggota masyarakat adalah tugas penting bagi sebuah negara Islam. Dalam Islam, usaha untuk mengatasi kemiskinan ini digalakkan melalui usaha anggota masyarakat sendiri seperti zakat, sedekah dan bantuan juga melalui agensi-agensi khas seperti baitulmal dan wakaf. Baitulmal yang fungsinya sebagai tempat pengumpulan harta perbendaharaan negara adalah merupakan badan penting dalam membantu golongan fakir miskin. Menurut banyak pengkaji dalam kertas kerja yang bertajuk *Pendapatan dan Sasaran Perbelanjaan Dana Zakat: Pengalaman di Negeri Perak, Kedah, Selangor dan Negeri Sembilan*, menyatakan agihan zakat kepada fakir dan miskin dibahagikan kepada dua iaitu bantuan tahunan dan bantuan kebajikan am (Abu Sufian, 2006). Mengikut laporan kajian tersebut, dalam tempoh 1990 hingga tahun 2000, sebanyak RM 10.9 juta telah diperuntukkan untuk membantu golongan fakir dan miskin. Wang yang diperuntukkan tersebut tidak dapat menampung jumlah besar dari golongan fakir dan miskin di negeri-negeri tersebut. Atas desakan tersebut maka berlaku lambakan masalah sosial seperti mencuri di kedari runcit, meminta sedekah dan sebagainya dari kalangan mereka bagi memenuhi keperluan harian.

Perkara yang sama juga turut berlaku dan dibincangkan dalam sebuah kertas kerja Mujaini Tarimin (2006) menyatakan tentang kategori kemiskinan yang digariskan oleh beberapa ulama seperti Imam Malik, Shafie dan Ahmad ibn Hanbal dan peranan institusi zakat untuk menangani masalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat. Islam amat menentang kemiskinan kerana ia akan mengundang berbagai masalah dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, salah satu sumber dana di dalam baitulmal telah diperuntukkan untuk membantu golongan fakir dan miskin. Beliau turut menjelaskan di dalam kertas kerjanya tentang syarat-syarat agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin yang dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu pertama, fakir dan miskin yang mampu bekerja, kedua, golongan fakir dan miskin yang tidak mampu bekerja dan golongan fakir dan miskin yang menganggur sementara. Walaupun dana telah diperuntukkan untuk setiap kelompok tersebut, namun setiap syarat yang ditetapkan adalah terlalu ketat contohnya seperti had pendapatan bagi golongan fakir dan miskin ialah kurang daripada RM1,000 sahaja. Oleh yang demikian, mana-mana golongan yang pendapatannya lebih daripada RM1,000 tetapi masih tidak dapat menampung kos perbelanjaan harian mereka tidak diberi perhatian.

Lain pula kajian yang didapati dari Maznan (1999) menerangkan mengenai fungsi dan peranan baitulmal bagi sesebuah negara Islam iaitu sebagai institusi kewangan negara. Walau bagaimanapun, kajian ini lebih tertumpu kepada perbandingan fungsi dan peranan baitulmal antara negara Brunei Darussalam dan Wilayah Persekutuan. Analisis perbandingan dua institusi baitulmal itu adalah dari sudut pengurusan dan pentadbiran, bidang kuasa, sumber-sumber harta, pentadbiran zakat, sistem agihan, dasar dan kaedah agihan wang zakat, kuasa melulus wang zakat, definisi asnaf, bentuk agihan, had kifayah, dan projek pembangunan harta baitulmal.

Kajian-kajian terdahulu dalam persekitaran zakat kebanyakannya tertumpu kepada isu-isu tentang penentuan hukum syarak dan perakaunan zakat perniagaan (Mohd Saleh 2006; Sanep 2006; Zahri 2006), cabaran pelaksanaan zakat perniagaan (Abdul Rahim 2004; Mahat 2006) dan penaksiran zakat perniagaan (Abdul Ghafar & Nur Azura 2006; Syed Mohd Ghazali 2006).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif, di mana kaedah kualitatif adalah bersifat kategori, konsep, gambaran, ciri atau tafsiran sesuatu data. Pendekatan kualitatif menggunakan: 1) kajian kepustakaan, 2) analisis dokumen, 3) kaedah temubual, dan 4) analisis data (Aini Hassan, 2007).

Sampel kajian ini seramai 73 orang yang berkategori miskin. Pemilihan sampel dengan metode *random sampling* di setiap daerah yang telah terdata oleh baitul mal Negeri Sembilan. Soal selidik digunakan sebagai proses temu bual. Ada tujuh item soalan dengan jenis soalan interaktif antara pengkaji dengan responden untuk menjawab indikator kesesuaian data asas daripada badan baitul mal Negeri Sembilan. Hasil dapatan daripada 73 responden di analisis untuk mengenal pasti kesan sosial menggunakan analisis deskriptif frekuensi dengan program SPSS.

KEPUTUSAN KAJIAN

Keputusan kajian ini dibahagi menjadi dua bahagian yang bersesuaian dengan objektif kajian ini. Keputusan kajian merujuk kepada prosedur nafkah bagi golongan fakir dan miskin oleh baitulmal dengan data kualitatif dan kesan sosial mengikut hubungan kekeluargaan, keselesaan tempat tinggal, pelajaran, makanan dan minum, dan kesihatan dengan data kuantitatif.

Prosedur Nafkah Bagi Golongan Fakir dan Miskin oleh Baitulmal

Dalam menguruskan pengagihan dana zakat kepada golongan fakir dan miskin, pihak Baitulmal Negeri Sembilan telah menetapkan prosedur-prosedur yang tertentu untuk memastikan golongan tersebut layak menerima bantuan zakat (Pamphlet Edaran Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 2010). Antara prosedur-prosedurnya adalah seperti berikut: 1) menetapkan kategori golongan fakir miskin yang diberi pembiayaan dan menyenaraikan ciri-ciri khusus golongan tersebut. 2) menetapkan bentuk-bentuk pembiayaan bagi setiap kategori. 3) menetapkan nilai atau kadar bantuan. 4) menetapkan prosedur pembiayaan. 5) menyediakan akses maklumat tambahan (Dewan Undangan Negeri Sembilan, 2003).

Bagi menyusun aspek-aspek nafkah yang dibiayai oleh Baitulmal maka dua langkah akan dilakukan. Langkah pertama ialah menyenaraikan keseluruhan skim semua kategori asnaf yang melibatkan golongan fakir dan miskin berdasarkan dokumen yang diedarkan oleh Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Langkah kedua ialah menyusun semula skim-skim ini mengikut lima aspek nafkah utama iaitu makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang termaktub dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri. Langkah kedua ini diteruskan dengan menghuraikan secara terperinci setiap aspek nafkah yang dipohon oleh golongan fakir dan miskin. Dua langkah ini digunakan oleh pengkaji kerana dokumen Baitulmal yang ada hanya menyenaraikan bentuk-bentuk pembiayaan atau diistilah sebagai *skim bantuan* mengikut setiap asnaf zakat, bukannya mengikut aspek nafkah (Dewan Undangan Negeri Sembilan, 2003).

Baitulmal Negeri Sembilan telahpun menjalankan seperti yang diamanahkan dalam dewan undangan negeri Sembilan (2003), tentu dengan memberikan definisi tentang fakir dan miskin. Golongan pertama yang disenaraikan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan sebagai pihak yang berhak menerima bantuan zakat ialah golongan fakir. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan telah memberikan pengertian tentang fakir sebagai seseorang yang tiada harta dan hasil usaha (pekerjaan) atau mempunyai harta atau hasil usaha (pekerjaan) tetapi tidak sampai separuh keperluannya yang mencukupi menurut keadaan munasabah walaupun mempunyai rumah atau kediaman pada masa itu. Ciri-ciri fizikal bagi asnaf fakir yang digariskan oleh pihak pengurusan Baitulmal ialah seperti berikut: i) Tiada harta ataupun pekerjaan, ii) tua, uzur, dan sebatang kara. iii) Cacat dan tiada upaya untuk menyara hidup. iv) Janda, atau ibu tunggal yang hilang tempat bergantung. v) Tidak mendapat bantuan daripada mana-mana pihak atau telah dapat tetapi tidak mencukupi. vi) Perempuan yang tidak mempunyai suami atau bapa dan datuk ke atas atau anak dan cucu ke bawah yang wajib memberi nafkah kepadanya serta tidak mempunyai makanan yang mencukupi, pakaian dan tempat tinggal (Pamphlet Edaran Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 2010).

Golongan kedua yang dikategorikan sebagai pihak yang berhak diberi bantuan daripada harta zakat melalui Baitulmal ialah kategori miskin. Ia ditakrifkan sebagai seseorang yang ada harta atau hasil usaha (pekerjaan) yang mencukupi sekadar separuh daripada keperluannya atau melebihi kadar munasabah keperluan walaupun mempunyai rumah dan kediaman pada masa itu. Ciri-ciri fizikal golongan fakir miskin kategori miskin yang telah ditetapkan oleh Baitulmal ialah i) Suri rumah yang hilang tempat bergantung. ii) Ditinggal suami tanpa cerai. iii) Menunggu keputusan perceraian di mahkamah. iv) Suami masuk penjara atau pusat serenti. iv) Suami hilang upaya bekerja. vi) Tinggal menumpang di rumah saudara, rumah setinggan atau di atas tanah kerajaan. vii) Tidak mendapat bantuan daripada mana-mana pihak atau telah mendapat bantuan tetapi tidak mencukupi (Pamphlet Edaran Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 2010).

Hasil temubual yang dilakukan (17 September 2010) tentang 'menetapkan bentuk-bentuk pembiayaan bagi setiap kategori' didapati bahawa pentadbiran nafkah golongan fakir miskin, Baitulmal telah meletakkan dua golongan iaitu fakir dan miskin dalam satu kategori yang sama. Dengan itu juga Baitulmal telah menetapkan bentuk-bentuk pembiayaan yang diberikan kepada dua kategori ini adalah sama seperti berikut; i) bantuan makanan, ii) bantuan membaiki rumah, iii) bantuan perubatan dan alatan perubatan, iv) pembangunan asnaf dan modal, v) bantuan hari raya, vi) bantuan kewangan, vii) bantuan persekolahan dan pendidikan, viii) bantuan kemalangan (kebakaran), ix) program motivasi bagi anak-anak ke sekolah.

Hasil temubual yang dilakukan (17 September 2010) tentang 'Nilai dan Kadar Bantuan kepada Golongan Fakir dan Miskin' didapati bahawa antara nilai atau kadar bantuan yang ditetapkan jumlahnya ialah bantuan bulanan fakir miskin dan bantuan dalam aspek perubatan. Bagi bantuan bulanan kepada golongan fakir dan miskin, kadar yang ditetapkan ialah RM200 bagi setiap bulan. Nilai yang ditetapkan bagi bantuan perubatan pula ialah tidak melebihi RM1000 bagi sekali permohonan. Bantuan suguhati Ramadhan bagi golongan fakir dan miskin pula ditetapkan sebanyak RM200.

Manakala pembiayaan dalam bentuk program motivasi fakir miskin tidak ditetapkan nilainya kerana ia tidak disalurkan terus kepada penerima pembiayaan. Pembiayaan bentuk ini akan dibayar terus

kepada agensi atau pihak yang menganjurkan kursus atau program yang dihadiri oleh anak-anak fakir miskin diperingkat sekolah atau oleh golongan dewasa.

Kesan Sosial Mengikut Hubungan Kekeluargaan, Keselesaan Tempat Tinggal, Pelajaran, Makanan dan Minum, dan Kesihatan.

Hasil analisis terhadap 73 orang responden, seramai 34 orang responden mendapat kesan sosial dari segi hubungan kekeluargaan dengan peratusan 46.6%. Namun begitu, faktor ini dipecahkan lagi mengikut faktor yang didapati daripada temubual dengan responden seperti berikut; sempit masa, berpisah dengan keluarga, bercerai, tekanan perasaan, suami terlibat dengan dadah, dan berpisah dengan keluarga. Adapun faktor bercerai mempunyai peratusan yang paling tinggi iaitu 16.4%, diikuti dengan faktor berpisah dengan keluarga 11.0% , kemudian faktor sempit masa dengan keluarga 6.8%, sempit masa dan bercerai 2.7%.

Seramai 43 orang responden mengaku mendapat kesan sosial dari segi keselesaan tempat tinggal dengan peratusan 58.9%. Namun begitu, faktor keselesaan tempat tinggal ini dipecahkan lagi mengikut faktor yang didapati daripada temubual dengan responden seperti berikut; putus bekalan elektrik dan air, keadaan rumah yang sempit, persekitaran, dan tidak mampu bayar sewa rumah. Faktor peratusan yang paling tinggi ialah 15.1% iaitu tidak mampu bayar sewa rumah, diikuti dengan faktor putus bekalan elektrik/ air 13.7%; dan rumah sempit 5.5%.

Kesan sosial yang menimpa penerima bantuan dari kalangan fakir dan miskin ialah makan dan minum yang melibatkan 58 orang responden dengan peratusan 79.5%. Dapatan faktor makan dan minum peratusan tertinggi adalah bagi faktor tidak cukup makan iaitu 17.8%. Diikuti dengan faktor tidak cukup makan dan minta simpati jiran; serta tidak cukup makan dan berhutang dengan kedai runcit iaitu 12.3%. Seterusnya faktor tidak cukup makan dan anak kerja tambahan iaitu 8.2%.

Dari segi kesihatan yang melibatkan 36 orang responden dengan peratusan sebanyak 49.3%. Dapatan peratusan yang paling tinggi ialah 9.6% bagi faktor tidak dapat membuat rawatan; dan tidak dapat membuat rawatan dan terputus bekalan makanan. Peratusan kedua tertinggi ialah diberhentikan kerja dan tidak dapat membuat rawatan iaitu 6.8%. Diikuti dengan faktor terputus bekalan ubatan; selalu sakit; dan diberhentikan kerja dan terputus bekalan rawatan iaitu 5.5%.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini memberikan sumbangan samaada secara teoritikal dan praktikalnya bagi pengurus-pengurus baitul mal Negeri Sembilan ;

1. Mendapatkan pengetahuan yang baru berkenaan dengan baitul mal dan pengagihan zakat dilihat daripada pengurusan dan perkhidmatannya di Negeri Sembilan.
2. Selain itu kajian ini dapat membuka minda pengurus-pengurus baitul mal agar memahami yang sesungguhnya menjadi *amil* merupakan tugas yang berat apabila tergelincir sikap dan keputusan. Tentu semua itu akan terealisasi dengan pengetahuan yang menyeluruh daripada pihak pengurus-pengurus baitul mal berkenaan.
3. Bahan pertimbangan untuk kerajaan Negeri Sembilan supaya lebih berhati-hati dalam melakukan proses pendataan semula golongan fakir dan miskin.

KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa kesan sosial dari segi kekurangan makanan mempunyai peratusan yang paling tinggi. Diikuti oleh kesan dari aspek pelajarankemudian keselesaan tempat tinggal, aspek kesihatan, dan akhir sekali dari aspek hubungan kekeluargaan. Ini menunjukkan bilangan keluarga yang miskin dengan data kajian (Seremban) tidak mendapat makan dan minum yang mencukupi dalam kehidupan seharian mereka.

Sebagaimana Yusof al-Qardhawi (1988) memberikan pendapat bahawa masalah kemiskinan adalah sangat merbahaya kerana boleh menjejaskan akhlak dan tingkahlaku, pemikiran, keluarga dan juga masyarakat. Perubahan akhlak dan tingkah laku seseorang kepada perkara yang negatif adalah terdorong akibat daripada kemiskinan. Hal ini berlaku apabila golongan miskin ini melihat jiran-jirannya dari golongan yang kaya-raya dan hidup senang akan mendorong mereka kearah melakukan perkara-perkara yang negatif seperti rasuah, mencuri dan sebagainya bagi mendapatkan kehidupan seperti itu juga.

Justeru, kesan-kesan kemiskinan kepada golongan fakir dan miskin harus diberi penekanan dan diambil tindakan yang sewajar untuk mengatasinya. Hal ini disebabkan ia boleh menjadi virus yang merbahaya kepada individu, masyarakat apatah lagi kepada negara. Tanggungjawab pihak pewajib haruslah menjalankan tanggungjawab dengan amanah dalam membantu golongan fakir dan miskin menjalani kehidupan harian mereka.

Kajian ini didapati bahawa wujud berlakunya ketidakseimbangan dalam pengagihan dana zakat di Baitulmal kepada golongan fakir dan miskin sehingga wujudnya kesan sosial di antara mereka. Oleh itu, pengagihan yang adil, seimbang dan menambahkan jumlah bantuan yang diberikan akan dapat mengurangkan kesan sosial kurang bagus dikalangan asnaf fakir dan miskin.

RUJUKAN

- Abdul Rahim, Abdul Rahman. (2004). Menangani cabaran semasa sinstitusi zakat di Malaysia: Satu analisis. *IKIM Journal* 12 (1): 103-115.
- Abdul Ghafar Ismail & Nur Azura Sanusi. (2006). Metodologi pengiraan zakat dan nilai syarikat. Disunting oleh Abdul-Ghafar & M.T. Hailani, Dlm *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian Dan Perundangan* 257-269. Bangi, Selangor: Unniversiti Kebangsaan Malaysia.
- Aini Hassan. (2007). Kualitatif Atau Kuantitatif?: Memahami Andaian Asas Yang Mendasari Penyelidikan Pendidikan. *Masalah Pendidikan*. 30 (1), 7-16.
- Abu Sufian Bakar. (2006). Baitulmal dan kemiskinan di Kuala Lumpur: Program agihan zakat dalam bentuk perniagaan. Dlm *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian Dan Perundangan*, disunting oleh Abdul-Ghafar & M.T. Hailani, 174-197. Bangi, Selangor: Unniversiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Qaradawi, Yusof. (1988). *Mushkilah al-Faqr wa Kaifa 'Alajaha al-Islām*, Dar al-Nashr, Misr.
- Amir Syukri bin Ab. Jalil. (2010). *PenyampaianPembiayaanBaitulmalNegeri Sembilan*. Seremban
- Azurabt Alias (2010). Nilaidan Kadar BantuanKepadaGolongan Fakir Miskin. *Temubual* 17 September Dewan Undangan Negeri Sembilan. (2003). *EnakmenPentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan*, Bahagian VI, Seksyen 80(3) dan (4).
- Hailani Muji Tahir. (1980). *Institusi Bait al-Mal Suatu Analisa Tentang Teori dan Hubungannya dengan Pembangunan Negera*, Tesis Sarjana, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haniza Hassan. (2005). *IbudanAnakDeritaDitinggalkanSuami*. Utusan Malaysia
- Jasni Sulong & Anwar Mohd Ali. (2012). Kajian Perbandingan Dalam Pentadbiran Undang-undang Kutipan Zakat Di Provinsi Aceh dan Negeri Kedah. *Jurnal Kajian Malaysia*. 30, 107-138.
- Kamal Amran bin Kamarudin. (2010). BantuanSumbanganKepadaPelajarTimur Tengah. *Temubual LaporanJawatankuasaTetap*. (2010). *BajetTahunanMajlis Agama Islam Negeri Sembilan, Seremban*. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)
- Mahat Mohd Safri. (2006). Zakat perniagaan: Cabaran pelaksanaan di Malaysia. Dlm *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian Dan Perundangan*, disunting oleh Abdul-Ghafar & M.T. Hailani, 174-197. Bangi, Selangor: Unniversiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Mawardi, Abu al-Hassan 'Ali b. Muhammad, *al-Ahkam al-Sultaniyyah* (Beirut: Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah, 1985), 145; Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, "Kuasa-kuasa dan Kaedah Pentadbiran Zakat di Malaysia," *Jurnal Syariah*, 2, no. 1 (1994): 60
- Mazanan bin Haji Yusuf. (1999). *Bayt al-Mal dalam Perundangan Islam*, Tesis Sarjana, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mujaini Tarimin. (2006). *Konsep Zakat dan Ukuran Kemiskinan Mengikut Perspektif Islam*. Kertas Kerja Ilmiah. UITM.
- Muqaddam bin Hj. Cholil. (2000). *Reformasi Umar bin Abd Aziz Terhadap Khalifah Umayyah*, Tesis Sarjana, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Pamphlet Edaran Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*, Jun 2010
- Rahman, Abd. Rosbi & Sanep Ahmad. (2011). Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Agihan Bantuan modal Zakat. *Jurnal Pengurusan* 33, 37-44.
- Saleh Ahmad, Mohd. (2006). Penentuan Hukum Syarak Dalam Taksiran Zakat Perniagaan. Dlm *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian Dan Perundangan*, disunting oleh Abdul-Ghafar & M.T. Hailani, 151-161. Bangi, Selangor: Unniversiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanep Ahmad. (2006). Zakat Syarikat Perkongsian: Ke atas entiti syarikat atau individu. Dlm *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian Dan Perundangan*, disunting oleh Abdul-Ghafar & M.T. Hailani, 151-161. Bangi, Selangor: Unniversiti Kebangsaan Malaysia.

- Sukor Kasim. (1990). Peranan Modal Dalam Membasmi Kemiskinan, *Kertas Kerja* di Konvensyen Ekonomi Bumiputera: Prestasi Kini dan Cabaran Selepas 1990, 12-13 November 1990.
- Zahri Hamat. (2006). Perakaunan zakat pendapatan: satu kajian semula. Dlm *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian Dan Perundangan*, disunting oleh Abdul-Ghafar & M.T. Hailani, 151-161. Bangi, Selangor: Unniversiti Kebangsaan Malaysia.